



DIFFERENCE ON ANALYSIS OF NISAB CALCULATION AND IMPACT ON ZAKAT ON INCOME

ANALISIS PERBEZAAN PENGIRAAN NISAB DAN IMPAK TERHADAP ZAKAT PENDAPATAN

MOHD MUKHLIS MOHD NASRI

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi
Malaysia, Johor. Email: mukh0ikhlas@gmail.com

MOHAMMAD NAQIB HAMDAN

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi
Malaysia, Johor. Email: mohammadnaqib@utm.my

A PEER-REVIEWED ARTICLE

(RECEIVED – 9TH JAN. 2023; REVISED – 22ND AUG. 2023; ACCEPTED – 29TH SEPT. 2023)

ABSTRACT

Zakat on income is one of the categories of zakat that is required by Islam if a Muslim meets the conditions. The focus of this study was to analyze the difference in the payment amount of zakat on income based on the nisab found in the calculation of zakat on income in Malaysia. The difference in the set of nisab and non-uniformity can cause the amount of zakat on income that needs to be issued to vary and it is possible that there are individuals who have the same income value but are not subject to zakat on income while in other states it is possible that he is required to pay zakat. In order to achieve the objectives of this study, information about the nisab set in each state was qualitatively analyzed to understand the respective assessment patterns. Thus, the simulation of zakat on income calculation was done through the zakat calculator available on the website of each state religious council. The simulation is carried out assuming the payer has a gross income of around RM2,425 per month and the same expenses. This assumption is because the income limit for individuals in the B40 category is as much as RM2,425 per month. The results of the study show that there are two types of nisab calculations in the calculation of zakat on income regardless of the difference in the minimum sufficiency line for the basic needs of an individual and their dependents based on the current cost of living (known as Had Kifayah) which is imposed in the calculation. Simulation analysis shows that

Kedah, Penang, Sarawak and Johor stipulate that the amount of nisab is calculated before cutting the kifayah limit compared to other states, i.e. a person is considered to have sufficient amount of nisab after cutting the kifayah limit. This has an impact on the implementation in the field because there are individuals who do not need to pay zakat due to insufficient nisab requirements. There are individuals in other states who have to pay zakat on income even if they have the same income and expenses.

Keywords: zakat; nisab; philanthropy; zakat calculator; zakat calculation

ABSTRAK

Zakat pendapatan merupakan salah satu kategori zakat yang diwajibkan oleh Islam sekiranya seseorang Muslim memenuhi syarat bagi mengeluarkan zakat. Fokus kajian ini dilakukan bagi menganalisis perbezaan jumlah bayaran zakat pendapatan berdasarkan nisab yang terdapat dalam pengiraan zakat pendapatan di Malaysia. Perbezaan set nisab dan ketidakseragaman boleh menyebabkan jumlah zakat pendapatan yang perlu dikeluarkan berbeza-beza dan berkemungkinan terdapat individu-individu yang mempunyai nilai pendapatan yang sama tetapi tidak dikenakan zakat pendapatan ke atasnya sedangkan di negeri lain berkemungkinan dia diwajibkan zakat. Bagi mencapai objektif kajian ini, maklumat tentang set nisab di setiap negeri dianalisis secara kualitatif untuk memahami corak pentaksiran masing-masing. Justeru, simulasi pengiraan zakat pendapatan telah dilakukan melalui kalkulator zakat yang terdapat dalam laman sesawang setiap majlis agama negeri. Simulasi dijalankan dengan mengandaikan pembayar mempunyai pendapatan kasar sekitar RM2,425 sebulan dan perbelanjaan yang sama. Andaian ini adalah kerana had pendapatan bagi individu dalam kategori B40 adalah sebanyak RM2,425 sebulan. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua jenis pengiraan nisab dalam pengiraan zakat pendapatan tanpa mengira perbezaan garis kecukupan minima bagi keperluan asasi seseorang individu dan tanggungannya berdasarkan kos sara hidup semasa (dikenali sebagai Had Kifayah) yang dikenakan dalam pengiraan. Analisis simulasi menunjukkan bahawa Kedah, Pulau Pinang, Sarawak dan Johor menetapkan bahawa jumlah nisab dikira sebelum pemotongan had kifayah berbanding negeri-negeri lain, iaitu seseorang dikira mencukupi jumlah nisab selepas pemotongan had kifayah. Hal ini memberi kesan kepada perlaksanaan di lapangan kerana ada individu yang tidak perlu membayar zakat kerana tidak mencukupi syarat nisab. Ada individu di negeri lain yang perlu membayar zakat pendapatan walaupun mereka mempunyai pendapatan dan perbelanjaan yang sama.

Kata kunci: zakat; nisab; kedermawanan; kalkulator zakat; taksiran zakat.

PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang difardhukan melalui Al-Quran dan Sunnah, tiada Muslim yang boleh menafikan kewajibannya malah para ulama bersepakat secara ijma' berkaitan kefardhuannya. Sejarah menunjukkan sejourus kewafatan Nabi Muhammad SAW, khalifah Abu Bakar RA telah memerangi umat Islam yang menafikan kewajipan zakat dan menolak untuk membayarnya, beliau percaya bahawa sesiapa yang memisahkan antara solat dan zakat wajib diperangi malah perbuatan beliau dipersetujui oleh para sahabat yang lain (Al-Suyuti, 2013). Tambahan pula, kewajibannya dinyatakan dalam Al-Quran:

“Ambilah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.” [At-Taubah:103]


Berdasarkan ayat di atas, Ibn. Kathir (1999) menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan utusan-Nya SAW untuk menyampaikan kefardhuan mengeluarkan zakat bagi setiap umat Islam daripada kekayaan yang dimiliki bagi mensucikan harta, walaupun ayat ini secara umumnya berkaitan zakat, sebahagian ahli tafsir menyatakan bahawa ayat ini juga merujuk kepada mereka yang mencampuri antara amal kebaikan dan amal kejahatan kemudian mereka mengakui kekhilafan mereka. Tambah Ibn Kathir (1999) lagi bahawa sebahagian Arab Badawi memahami ayat ini bahawa pembayaran zakat hanya eksklusif kepada Rasulullah SAW, membayar kepada selain daripada utusan Allah adalah bertentangan dengan ayat ini.

Walaupun bagaimanapun kefahaman tersebut disanggah oleh khalifah Abu Bakr dan ijma' para sahabat yang lain. Para ulama membahagikan zakat kepada beberapa jenis zakat dan salah satunya adalah zakat pendapatan. Walaupun zakat pendapatan tidak wujud di zaman Rasulullah SAW, tetapi para ulama kontemporari menyatakan bahawa zakat pendapatan merupakan salah satu jenis zakat yang wajib dibayar oleh seseorang Muslim apabila memenuhi syarat-syarat zakat. Hasil kutipan zakat pendapatan di Malaysia menunjukkan kutipannya sangat signifikan dan penyumbang terbesar dalam institusi zakat (Pusat Pungutan Zakat - MAIWP, 2021) sejak Malaysia menerima fatwa berkaitan kefardhuan zakat pendapatan sebagai salah satu jenis zakat.

Taksiran zakat pendapatan di institusi-institusi zakat negeri-negeri di Malaysia mempunyai beberapa metode taksiran hal ini dapat dilihat dalam laman sesawang setiap institusi zakat kecuali institusi zakat Johor, Selangor, Terengganu, Kelantan, Perlis dan Perak hanya menggunakan satu metode

taksiran bagi zakat pendapatan iaitu taksiran berdasarkan pendapatan bersih yang ditolak had kifayah (Johor, Majlis Agama Islam Negeri, T.T.; Lembaga Zakat Selangor, T.T.; Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu, T.T.; Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, T.T.; Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu, T.T. & Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak, T.T.).

Adapun negeri-negeri lain mempunyai dua sehingga empat metode taksiran yang boleh dipilih bagi para pembayar zakat pendapatan (Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah, T.T.; Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, T.T; Pusat Pengumpulan Zakat - MAIWP, T.T.; Zakat Melaka, T.T.; Kedah, Lembaga Zakat Negeri, T.T.; Tabung Baitulmal Sarawak, T.T & Pusat Kutipan Zakat Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang, T.T. & Zakat Pulau Pinang, T.T.). Pengkaji telah meringkaskan jenis metode-metode taksiran yang digunakan untuk zakat pendapatan berdasarkan Rajah 1 dan pilihan metode institusi zakat negeri melalui Jadual 1.



Rajah 1: Metode-Metode Pentaksiran Zakat Pendapatan di Malaysia

Jadual 1: Senarai Negeri dan Metode Taksiran yang dipilih

BIL	NEGERI	METODE 1	METODE 2	METODE 3	METODE 4
1	Johor	√			
2	Kedah	√	√		
3	Kelantan	√			
4	Melaka	√	√		
5	Negeri Sembilan	√	√		
6	Pahang	√	√		
7	Pulau Pinang	√	√	√	√
8	Perak	√			
9	Perlis	√			
10	Sabah	√	√		
11	Sarawak	√	√		
12	Selangor	√			
13	Terengganu	√			
14	Wilayah Persekutuan	√	√		

Berdasarkan Jadual 1, semua negeri mengambil metode 1 dalam penaksiran zakat pendapatan yang mempunyai penolakan. Sabah membahagikan metode 1 kepada dua jenis, jenis pertama ditolak had kifayah (perbelanjaan-perbelanjaan asas) dan jenis kedua ditolak kos-kos berkaitan pekerjaan seperti sewa dan utiliti (Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah, T.T). Negeri Kedah, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Pahang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan memberi pilihan kepada pembayar zakat pendapatan untuk memilih metode taksiran kedua iaitu 2.5% daripada pendapatan kasar setahun dan tiada sebarang penolakan. Tambahan juga, Pulau pinang lebih terbuka dengan memberikan dua lagi metode taksiran seperti Rajah 1.

Disebabkan metode taksiran pertama adalah metode yang dipersetujui oleh kesemua institusi zakat negeri-negeri, maka kajian ini memfokuskan kepada metode taksiran pertama yang melibatkan penolakan had kifayah bagi melihat perbezaan penentuan seseorang individu sama ada mencukupi nisab ataupun tidak melalui kalkulator zakat yang disediakan di laman sesawang institusi zakat masing-masing serta implikasi ke atas setiap perbezaan. Simulasi ini juga dapat membantu melihat sama ada seseorang yang dalam kategori berpendapatan B40

dikenakan zakat pendapatan atau sebaliknya sekiranya digunakan metode taksiran ini.

PERBEZAAN METODE PENENTUAN NISAB NEGERI-NEGERI

Pada dasarnya, perbezaan metode penentuan nisab zakat pendapatan bagi negeri-negeri wujud disebabkan hukum zakat pendapatan itu sendiri ada perbezaan pandangan dalam kalangan para ulamak dan ia bersifat *ijtihadiah* maka para ulama berbeza pandangan berkaitan kewajipan zakat pendapatan itu sendiri, malah dalam kalangan para ulamak yang mewajibkan zakat pendapatan juga berbeza ijtihad mereka dalam isu penentuan nisab dan haul (Paizin, 2021; Rosele et al., 2017; Al-Qaradawi, 1994). Justeru perbezaan pengambilan fikh duluan (*takyif fiqhi*) dalam isu zakat pendapatan menatijahkan perbezaan hukum dan pandangan yang diambil. Secara natijahnya boleh dilihat pada Rajah 1 dan Jadual 1 yang menunjukkan perbezaan metode penentuan nisab zakat pendapatan yang berbeza-beza mengikut negeri-negeri memandangkan hal ehwal berkaitan agama Islam terletak di bawah kuasa negeri-negeri seperti yang tertakluk dalam Perlembagaan Malaysia.

Dalam konteks kajian ini, isu perbezaan nisab merupakan isu perbincangan utama berbanding isu penetapan haul. Pandangan al-Ghazali lebih cenderung mengqiaskan nisab zakat pendapatan dengan nisab zakat pertanian, sekiranya hasil pendapatan melebihi apa yang diperolehi oleh para petani maka seseorang itu dikira mencukupi nisab dan diwajibkan zakat ke atasnya berbeza dengan pandangan al-Qaradawi yang mengqiaskan zakat pendapatan dengan zakat emas iaitu 85 gram emas (Al-Qaradawi, 1994). Fatwa-fatwa di negeri-negeri cenderung dengan pandangan al-Qaradawi iaitu nisab zakat pendapatan bersamaan dengan nisab zakat emas iaitu 85 gram emas. Walaupun negeri-negeri mengqiaskan kepada zakat emas tetapi secara pelaksanaan setiap negeri mempunyai pemahaman yang berbeza berkaitan perkiraan nisab 85 gram emas itu adakah dikira setelah pendapatan bersih atau sebelum pendapatan bersih.

Pendapatan bersih merujuk kepada jumlah pendapatan yang berbaki setelah ditolak keperluan asasi ataupun had kifayah. Secara tamsilannya, merujuk kepada fatwa zakat gaji dan pendapatan bebas negeri Kedah yang diwartakan pada 2 Januari 1986 menyatakan:

“Jawatankuasa fatwa telah mengkaji mengenai pembayaran zakat ke atas pendapatan gaji dan lain-lain sumber pendapatan yang diterima yang ada kaitan dengannya dan bersetuju memberi pandangan bahawa wang gaji, elaun, hadiah dan lain pendapatan yang diberi oleh seseorang dari semasa ke semasa hendaklah dengan bertaklidkan Mazhab Hanafi disatukan dengan wang yang terkumpul dan hendaklah dizakatkan ketika genap haul yang bermula dari

sejak cukup nisab, ini bermakna apa-apa pendapatan yang diperoleh pada pertengahan haul, hendaklah dizakatkan sekali pun belum genap haul bagi tiap-tiap satu pendapatan itu". (Kedah, Lembaga Zakat Negeri, 2016).

Dari sighth fatwa Kedah ini difahami bahawa taksiran nisab zakat pendapatan dikira berdasarkan keseluruhan pendapatan yang diterima dan wang yang terkumpul tanpa ada penolakan had kifayah, sekiranya jumlah pendapatan dan wang terkumpul menyamai nisab 85 gram emas maka seseorang itu diwajibkan zakat. Had kifayah pula diberikan pilihan untuk ditolak semasa pengeluaran zakat hendak dilakukan, simulasi penaksirannya ada disimulasikan selepas ini. Oleh sebab itu Kedah satu-satunya negeri yang pengiraan nisab sebelum tolakan had kifayah sama ada nak menentukan ia wajib ataupun tidak (Jadual 3) dan ia selari dengan dalil-dalil yang zahir berkaitan zakat emas di mana tiada potongan bagi menentukan nisab.

Berbeza dengan pandangan yang diambil oleh negeri-negeri selain Kedah, nisab sama ada seseorang diwajibkan zakat atau pun tidak ditaksir selepas penolakan semua had kifayah dan baki selepas penolakan tersebut dinilai sama ada menyamai 85 gram emas atau pun tidak. Pandangan ini cenderung dengan pandangan al-Qaradawi bahawa walaupun ia diqiaskan dengan zakat emas pada satu sudut tetapi disebabkan ia berbentuk perolehan pendapatan daripada hasil kerja maka terdapat kos-kos biaya kehidupan yang perlu ditolak dahulu bagi menentukan seseorang itu diwajibkan zakat ataupun tidak, hal ini sama seperti zakat pertanian yang perlu mengambil kira kos-kos penanaman sebelum taksiran dilakukan (al-Qaradawi, 1994).

SOROTAN LITERATUR

Kajian zakat telah banyak diperbincangkan oleh para ulama dan Bhari et al., (2019) telah membuat kajian sorotan literatur ke atas fatwa-fatwa berkaitan zakat, maqasid syariah dalam ibadah zakat serta dalam agihannya, kajian mendapati bahawa tiada kajian khusus yang dilaksanakan berdasarkan maqasid fatwa zakat di Malaysia. Kajian Paizin (2021) khusus berkaitan zakat pendapatan menyatakan bahawa zakat pendapatan adalah zakat baharu yang tidak wujud dalam rekod sejarah Islam sebelum ini sehingga menjadi perdebatan antara para ulama dalam menentukan kewajipan zakat ini, zakat pendapatan diambil daripada konsep zakat al-mal al-mustafad. Beliau membawa perbincangan antara para ulama berkaitan isu nisab dan haul sama ada pembayar zakat boleh dan layak membayar zakat walaupun tidak mencukupi haul dan hanya sekadar mencukupi nisab.

Perbezaan fatwa zakat pendapatan antara negeri Perak dan Selangor terutama berkaitan syarat haul telah dibincangkan oleh Rosele et al., (2017) dan merumuskan bahawa syarat haul adalah syarat wajib bagi zakat pendapatan walau

bagaimanapun pembayar boleh membayar sebelum cukup haul. Paizin (2021) dan Rosele et al. (2017) juga telah membincangkan secara ringkas berkaitan nisab sama ada qias kepada 85 gram emas ataupun nisab zakat pertanian. Pengkaji mendapati kekurangan kajian yang menyentuh perspektif nisab dalam zakat pendapatan sama ada seseorang individu berpendapatan dikira mencukupi nisab atau pun tidak ditaksir pada pendapatan bersih selepas penolakan atau pendapatan kasar sebelum penolakan dibuat.

Kajian lain oleh Ahmad & Zain (2021), Muhammad et al., (2017) dan Rahman et al., (2020) banyak berkisar tentang had kifayah dalam menentukan kelayakan sebagai pembayar zakat dan penerima zakat serta implikasi perbezaan penentuan had kifayah dalam taksiran zakat pendapatan di negeri-negeri. Walaupun kajian Muhammad et al. (2017) mempunyai tema yang hampir sama dengan kajian penyelidik tetapi fokus dan metode kajian berbeza, fokus kajian Muhammad et al. (2017) lebih kepada perbezaan had kifayah setiap negeri serta metode simulasi yang dijalankan menggunakan senario individu bergaji RM7,500 sebulan berbanding kajian ini lebih fokus kepada perbezaan dalam penentuan syarat nisab seperti yang terdapat pada kalkulator dan menggunakan senario individu bergaji RM2,425 sebulan dalam simulasi yang dijalankan. Perbezaan fokus dan senario sudah pasti menghasilkan output kajian yang berbeza.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian ini, penyelidik telah melakukan kajian simulasi ke atas setiap kalkulator zakat pendapatan yang terdapat dalam ke semua 14 laman sesawang rasmi institusi zakat negeri-negeri di Malaysia. Sebelum simulasi bermula, pengkaji mengumpul data melalui dua langkah utama, langkah pertama pengkaji mengenalpasti kalkulator zakat pendapatan melalui enjin pencarian seperti Google dan kalkulator maya yang dijumpai dipastikan dahulu bersumber daripada laman sesawang rasmi institusi zakat. Sekiranya tidak dijumpai atau diragui sama ada laman sesawang yang dijumpai merupakan laman sesawang rasmi atau pun tidak, pengkaji merujuk kepada laman sesawang JAWHAR (Jabatan Wakaf, Zakat & Haji) milik Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), laman sesawang JAWHAR menyenaraikan kalkulator zakat milik institusi-institusi zakat negeri-negeri.

Simulasi ini menggunakan senario individu lelaki Muslim yang berpendapatan RM2,425 sebulan seperti ditunjukkan di Jadual 2 dijalankan bagi mengetahui sama ada individu tersebut dikenakan zakat ataupun sebaliknya. Justifikasi pemilihan individu berpendapatan RM2,425 sebulan oleh pengkaji kerana berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2019) mendapati had pendapatan bagi kumpulan B40 pada tahun 2019 yang

merangkumi 2.91 juta isi rumah adalah RM4,849 melalui survei pendapatan dan kemudahan asas 2019 yang telah dilaksanakan.

Disebabkan zakat pendapatan dikira atas individu bukan berdasarkan isi rumah, maka pengkaji telah membahagikan kepada dua yang merujuk kepada pasangan suami isteri yang bekerja untuk melihat kepada jumlah gaji seseorang individu dalam sesebuah isi rumah. Jumlah RM2,424.50 diperolehi dan pengkaji membundarkan kepada RM2,425 bagi memudahkan perkiraan. Sebagaimana yang telah diberitahu di bahagian pendahuluan, simulasi hanya dijalankan menggunakan metode taksiran 1 seperti yang terdapat dalam semua laman sesawang institusi zakat negeri-negeri. Data dan maklumat yang diperolehi telah dianalisis secara deskriptif bagi melihat persamaan dan perbezaan setiap kalkulator maya yang disediakan serta implikasi ke atas individu-individu daripada keluarga berpendapatan B40.

Jadual 2: Latar Belakang Senario

Bil	Pendapatan& Tanggungan	Penjelasan
1	Pendapatan Asas	RM2,425/Sebulan (RM29,100/Setahun)
2	1 Isteri	Suri Rumah
3	2 Anak	Anak Lelaki – 5 Tahun Anak Perempuan – 2 Tahun


KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

Bagi menentukan seseorang individu memenuhi syarat nisab bagi membayar zakat ataupun tidak, ia bersandarkan kepada taksiran sama ada cukup nisab itu ditentukan sebelum penolakan had kifayah ataupun selepas penolakan. Pengkaji mendapati bahawa walaupun semua negeri mempunyai metode taksiran yang mempunyai penolakan tetapi terdapat perbezaan pada pengiraan seseorang itu mencukupi nisab ataupun tidak seperti di Jadual 3. Hasil kajian juga menunjukkan Negeri Johor, Pulau Pinang dan Sarawak mempunyai dua cara pengiraan nisab, pertama selepas penolakan seperti yang diterangkan dalam laman sesawang masing-masing dan kedua, nisab sebelum penolakan seperti yang diimplementasikan dalam kalkulator maya.

Jadual 3: Senarai Negeri dan Keputusan Kajian Sama Ada Pentaksiran Nisab dibuat Sebelum Penolakan atau Selepas Penolakan

BIL	NEGERI	PENGIRAAN NISAB SELEPAS PENOLAKAN	PENGIRAAN NISAB SEBELUM PENOLAKAN
1	Johor	√	√
2	Kedah		√
3	Kelantan	√	
4	Melaka	√	
5	Negeri Sembilan	√	
6	Pahang	√	
7	Pulau Pinang	√	√
8	Perak	√	
9	Perlis	√	
10	Sabah	√	
11	Sarawak	√	√
12	Selangor	√	
13	Terengganu	√	
14	Wilayah Persekutuan	√	

Kajian telah menemui perbezaan bagi metode taksiran yang mempunyai penolakan serta implikasinya kepada pembayar zakat seperti di Rajah 2. Pendapatan dan perbelanjaan yang sama boleh menghasilkan keputusan yang berbeza dalam menentukan individu itu mencukupi syarat nisab ataupun tidak. Pernyataan ini selari dengan keputusan simulasi yang telah dijalankan ke atas semua kalkulator yang terdapat pada laman sesawang rasmi 14 institusi zakat negeri-negeri. Ringkasan keputusan simulasi adalah seperti Jadual 4.



Rajah 2: Metode 1 Pentaksiran Zakat Pendapatan dan Perbezaannya

Jadual 4: Perbandingan Zakat Pendapatan dan Jumlah Bayaran yang Dikenakan

Negeri	Nisab 2022	Jumlah Bersih Pendapatan Setahun Selepas Tolakan	Bayaran Zakat Setahun	Bayaran Zakat Sebulan	Implikasi
Johor	RM20,866.97	RM15,100.00	RM377.50	RM31.46	Diwajibkan zakat
Kedah	RM22,254.80	RM11,100.00	RM277.50	RM23.13	Diwajibkan zakat
Kelantan	RM20,366.00	RM16,100.00	RM0.00	RM0.00	Tidak diwajibkan zakat
Melaka	RM20,361.59	RM14,100.00	RM0.00	RM0.00	Tidak diwajibkan zakat
Negeri Sembilan	RM21,244.81	RM12,100.00	RM0.00	RM0.00	Tidak diwajibkan zakat
Pahang	RM20,312.20	RM4,500.00	RM0.00	RM0.00	Tidak diwajibkan zakat
Pulau Pinang	RM20,370.00	RM15,100.00	RM377.50	RM31.46	Diwajibkan zakat
Perak	RM21,064.49	RM8,200.00	RM0.00	RM0.00	Tidak diwajibkan zakat
Perlis	RM20,866.67	RM16,096.00	RM0.00	RM0.00	Tidak diwajibkan zakat

Sabah	RM20,600.00	RM12,100.00	RM0.00	RM0.00	Tidak diwajibkan zakat
Sarawak	RM21,484.43	RM20,100.00	RM502.50	RM41.88	Diwajibkan zakat
Selangor	RM21,432.00	RM12,684.00	RM0.00	RM0.00	Tidak diwajibkan zakat
Terengganu	RM21,244,81	RM12,100.00	RM0.00	RM0.00	Tidak diwajibkan zakat
Wilayah Persekutuan	RM20,361.00	(RM5,101.00)	RM0.00	RM0.00	Tidak diwajibkan zakat

Keputusan yang terhasil adalah berpandukan semata-mata kepada kalkulator dan tanpa melihat kepada justifikasi atau pemilihan fatwa sebenar yang dipilih. Berdasarkan senario yang telah disimulasikan, individu-individu yang berpendapatan hampir sama dikecualikan daripada membayar zakat sekiranya mereka membayar zakat di negeri Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Sabah, Selangor, Terengganu, Perlis dan Wilayah Persekutuan. Hal ini kerana mereka tidak mencukupi syarat nisab sebagai pembayar zakat walaupun setiap negeri tersebut mempunyai perbezaan dalam penentuan jumlah had kifayah.

Simulasi yang dijalankan ke atas kalkulator negeri Johor, Pulau Pinang, Sarawak dan Kedah menunjukkan keputusan yang sebaliknya, di mana individu seperti senario Jadual 2 diwajibkan zakat pendapatan kerana pendapatan kasar setahun RM29,100.00 telah memenuhi syarat nisab, sedangkan pendapatan bersih selepas ditolak had kifayah tidak melebihi jumlah nisab serta jumlah pembayaran 2.5% tidak dikenakan ke atas pendapatan kasar sebaliknya ke atas pendapatan bersih yang telah ditolak.

Pengkaji berpendapat perbezaan keputusan simulasi disebabkan dua kemungkinan, kemungkinan pertama disebabkan kalkulator yang wujud dalam laman sesawang tidak menggambarkan metode taksiran nisab yang dipilih. Hal ini jelas dilihat pada kalkulator Pulau Pinang, Johor dan Sarawak secara aplikasinya tidak seperti mana yang dijelaskan dalam laman sesawang tentang cara taksiran zakat pendapatan yang mengambil kira seseorang itu mencukupi nisab selepas pendapatannya ditolak. Pengkaji percaya bahawa kalkulator yang digunakan tidak dikemaskini selari dengan apa yang dinyatakan dalam laman sesawang. Buktinya boleh dilihat pada kalkulator Johor, pengkaji telah meletakkan jumlah pendapatan yang lebih kecil daripada jumlah nisab iaitu

RM15,000 setahun, keputusan kalkulator menunjukkan individu tersebut tetap memenuhi syarat zakat dan perlu membayar RM25 setahun zakat pendapatan (Johor, Majlis Agama Islam Negeri, T.T.).

Kemungkinan kedua adalah kiraan nisab zakat pendapatan ditentukan sebelum penolakan had kifayah dan kalkulator Kedah berkemungkinan mengaplikasikan cara taksiran sebegini kerana metode taksiran tidak dijelaskan dalam laman sesawangnya. Oleh itu mereka yang berpendapatan RM2,425 sebulan telah memenuhi syarat nisab dan diwajibkan mengeluarkan zakat walaupun ramai menyangka bahawa mereka tidak memenuhi syarat kerana berpendapatan B40 sedangkan mereka wajib mengeluarkan zakat.

KESIMPULAN

Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat, institusi-institusi zakat di Malaysia telah mengorak langkah membenarkan pembayar zakat melaksanakan tuntutan zakat secara maya melalui laman sesawang institusi zakat masing-masing. Bagi membantu individu-individu Muslim membayar zakat, kalkulator zakat juga telah disediakan dalam laman sesawang bagi menyemak seseorang itu mencukupi syarat sebagai pembayar zakat ataupun tidak, sekiranya mencukupi syarat berapa jumlah yang perlu dikeluarkan. Setiap metode taksiran yang dipilih seharusnya diuar-uarkan kepada masyarakat setempat.

Perbezaan keputusan kalkulator yang disebabkan kelemahan kalkulator mestilah diselesaikan sesegera dan dikemaskini bagi mengelakkan kekeliruan dan salah faham dalam penaksiran yang digunakan walaupun sesetengah laman sesawang institusi zakat membuat kenyataan bahawa penaksiran yang sebenar dan tepat adalah penaksiran di kaunter pejabat zakat. Hal ini kerana kebanyakan pembayar zakat lebih memilih taksiran secara maya dan membuat pembayar melalui laman sesawang berbanding pembayaran di kaunter. Kajian lanjutan perlu dilakukan disebabkan wujudnya perbezaan penentuan kecukupan nisab terutamanya dari sudut perspektif *ta'sil al-syar'ie* pada setiap metode taksiran zakat pendapatan yang dipilih.

RUJUKAN

- Ahmad, M. K., & Zain, N. I. (2021, November). Taksiran Zakat Pendapatan di Malaysia: Perlukah Penilaian Semula Kaedah Taksiran dengan Tolakan-Tolakan yang Dibenarkan. *INSANLAH: International Online Journal of Language, Communiation, and Humanities* (Special Issue), 24-35.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (1994). *Fiqh al-Zakah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Al-Suyuti, J. A. R. B. A. B. (2013). *Tarikh Al-Khulafa'*.pdf (3rd ed.). Dar Al-Minhaj Lil Nasyr wa Al-Tauzi'.

- Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah. (T.T.). *Kalkulator Zakat*. Retrieved October 1, 2022, from Bahagian Zakat dan Fitrah, Majlis Ugama Islam Sabah: <https://appszakat.sabah.gov.my/kalkulatorPendapatan.php>
- Bhari, A., Abdullah, L., Yaakob, M. A., Khalid, M. M., & Yusof, M. F. (2019). Analisis Literatur Kajian Zakat Dan Maqasid Syariah. *Journal of Fatwa Management and Research*, 17(2), 235-255. doi:10.33102/jfatwa
- Ibn Kathir, I. bin O. (1999). *Explanation of the Great Qur'an (Tafsir Ibn Kathir) Part IV (2nd ed.)*. Dar Toyyibah. <http://rowea.blogspot.com/2010/02/pdf-8.html>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019*. Putrajaya: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Johor, Majlis Agama Islam Negeri. (T.T.). *Kaedah Penaksiran Sendiri*. Retrieved October 1, 2022, from Majlis Agama Islam Negeri Johor: <https://www.majj.gov.my/cal/index.html>
- Kedah, Lembaga Zakat Negeri. (2016). *Fatwa Zakat Pendapatan*. Retrieved October 1, 2022, from Portal Rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah: <https://www.zakatkedah.com.my/wp-content/uploads/2016/11/11.-FATWA-1.pdf>
- Kedah, Lembaga Zakat Negeri. (T.T.). *Kira Zakat Pendapatan*. Retrieved October 1, 2022, from Portal Rasmi Lembaga Zakat Negeri Kedah: <https://www.zakatkedah.com.my/kira-zakat-pendapatan/>
- Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. (n.d.). *Kalkulator Zakat*. Retrieved October 01, 2022, from Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan: https://zakat.e-maik.my/v8/kalkulator/zakat_pendapatan.php
- Lembaga Zakat Selangor. (T.T.). *Zakat Pendapatan*. Retrieved October 1, 2022, from Lembaga Zakat Selangor: <https://www.zakatselangor.com.my/zakat-pendapatan/>
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak. (T.T.). *Kalkulator Zakat*. Retrieved October 1, 2022, from Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Perak: <https://www.maiamp.gov.my/kalkulatorzakat/#>
- Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu. (T.T.). *eZakat Online*. Retrieved October 1, 2022, from Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu: <https://ezakat.maidam.gov.my/online/kalkulator.php>
- Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. (T.T.). *Kalkulator Zakat Pendapatan*. Retrieved October 1, 2022, from Majlis Agama Islam Negeri Sembilan: <https://www.mains.gov.my/v5/web/pendapatan.php>
- Muhammad, F., Awang, S. A., Hussin, M. Y., & Mohamed, A. M. (2017, July). Sorotan Perbezaan Had kifayah Perbelanjaan Keperluan Asasi dan

- Kesannya. *Akademika*, 87(2), 89-103.
doi:<https://doi.org/10.17576/akad-2017-8702-07>
- Paizin, M. N. (2021). The Concept of Zakat on Income in Malaysia and Its Beginning of Implementation. *Al-Kharaj : Jurnal Ekonomi, Keuangan & Bisnis Syariah*, 2(1), 73-92.
doi:<https://doi.org/10.47467/alkharaj.v4i1.443>
- Perlis, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu. (T.T.). *Kalkulator Zakat*. Retrieved October 29, 2022, from Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis: http://zakat.maips.gov.my/Kalkulator_Zakat.html
- Pusat Kutipan Zakat Majlis Uagama Islam dan Adat Istiadat Melayu Pahang. (T.T.). *Kalkulator Taksiran Zakat Pendapatan*. Retrieved October 1, 2022, from Pusat Kutipan Zakat: <https://new.zakatpahang.my/index.php/kira-zakat/zakat-pendapatan>
- Pusat Pungutan Zakat - MAIWP. (T.T.). *Kalkulator Zakat Pendapatan*. Retrieved October 1, 2022, from Pusat Pungutan Zakat - MAIWP: <https://www.zakat2u.com.my/kiraan/zakat/pendapatan>
- Pusat Pungutan Zakat - MAIWP. (2021). *Laporan Tabunan 2021*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat - MAIWP.
- Rahman, A. A., Shukor, M. F., Zakaria, M. A., Nordin, N. S., & Rahmat, N. A. (2020). Soroton Literatur Kajian Penentuan Had Kifayah di Malaysia. *Diskusi Syariah dan Undang-undang* (pp. 34-40). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Rosele, I., Abdullah, L., Md. Ariffin, M. F., & Ismail, M. Z. (2017). Konflik Hukum Zakat Pendapatan: Satu Penilaian. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 11, 13–19.
- Salleh, M. C., & Chowdhury, M. A. (2020). Technological Transformation in Malaysian Zakat Institutions:A Qualitative Analysis. *International Journal of Zakat*, 5(3), 44-56. doi:<https://doi.org/10.37706/ijaz.v5i3.263>
- Tabung Baitulmal Sarawak. (T.T.). *Kalkulator Zakat Pendapatan*. Retrieved October 1, 2022, from Tabung Baitulmal Sarawak: <http://kalkulator.tbs.org.my/pendapatan/kaedah-2>
- Zakat Melaka. (T.T.). *Kalkulator Zakat Pendapatan*. Retrieved October 1, 2022, from Zakat Melaka: <https://www.izakat.com/ui.php>
- Zakat Pulau Pinang. (T.T.). *Kalkulator Zakat Pendapatan*. Retrieved October 22, 2022, from Zakat Pulau Pinang: <https://v2.zakatpenang.com/kalkulator-zakat-pendapatan/>